



Buletin

JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



PRAGMATIK · RESPONSIF · OBJEKTIF

Bil. 3/2010

ISSN 1985-2029



Senior Officials Meeting (SOM) : Ke Arah Penubuhan IZO



Dari Meja

KETUA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Bismillahirrahmannirrahim. Segala puji hanya milik Allah S.W.T. semata. Selawat dan salamNya semoga sentiasa tercurah kepada Rasulullah S.A.W., keluarga, sahabat Baginda dan setiap insan muslim yang teguh berdiri di atas jalan (manhaj) Nya hingga hari kemudian. Dengan izin dan inayahNya, sekali lagi kita berjaya menerbitkan Buletin JAWHAR Bil.3/2010 yang mencoretkan informasi yang dapat dimanfaatkan bersama, Insyallah.

Kini, kita telah berada di suku terakhir tahun 2010. Sedar atau tidak kita telah berada dalam Bulan Zulkaedah 1431H. Qa'dah bermaksud “duduk”. Menurut sejarah, masyarakat kafir Quraisy menyuruh kabilahnya berehat daripada berperang dalam bulan ini. Adalah haram bermusuhan dan berperang di bulan Zulkaedah sebaliknya dimuliakan dengan mengeratkan silaturrahim. Zulkaedah merupakan bulan persaudaraan, perdamaian dan kemaafan yang diteruskan oleh Rasulullah S.A.W. Justeru itu, kita hendaklah mengeratkan silaturrahim dalam bulan ini. Bagi yang bermusuhan, berdamailah; yang berdendam, berlapanglah dan yang renggang, rapatkanlah. Insyallah hidup kita diberkati dan harmoni.

Terdapat beberapa keistimewaan lain dalam bulan Zulkaedah ini, antaranya ia adalah salah satu daripada empat bulan yang diharamkan berperang, ia juga merupakan permulaan musim haji di mana Haji Tamattu' dimulakan di bulan Zulkaedah. Bulan ini juga adalah bulan afdal untuk mengerjakan umrah bersandarkan pada kebiasaan Rasulullah S.A.W. mengerjakan umrah dahulunya. Pada bulan Zulkaedah ini juga berlakunya Haji Wida' (Haji Penghabisan). Haji tersebut merupakan haji yang pertama dan terakhir Rasulullah S.A.W. Mengikut catatan sejarah, Rasulullah S.A.W. hanya mengerjakan haji sekali sahaja dan empat kali umrah sepanjang hidupnya. Selain itu, Perjanjian Hudaibiyah yang membawa perdamaian antara orang Islam dengan kafir Quraisy dimeterai pada bulan Zulkaedah jua, penghujung tahun ke-6 Hijrah.

Salah satu hikmah yang dinikmati oleh umat Islam pada masa itu ialah *outcome* perjanjian damai tersebut di mana Islam telah berkembang pesat dan kota Madinah rancak membangun dalam tempoh 10 tahun tanpa perang. *Outcome* tersebut adalah manifestasi keamanan, kestabilan dan kedamaian yang merupakan pra-syarat untuk membangun dan maju.

Para pembaca sekalian,

Dalam era globalisasi dan liberalisasi, kemampuan bersaing di pasaran yang kompetitif menjadi faktor penentu survival. Keamanan, kestabilan dan kedamaian merupakan faktor penyumbang yang penting dalam *equation* daya saing tersebut. Justeru itu, faktor berkenaan hendaklah terus dikekalkan dalam masyarakat majmuk dengan mengeratkan silaturrahim, memupuk perpaduan antara kaum serta memantapkan lagi keharmonian sosial demi kemaslahatan ummah sejagat.

Sekian, terima kasih.

والسلام

Khalid bin Mohamed
Timbalan Ketua Pengarah
JAWHAR

Sidang Editor

Penasihat

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

Ketua Editor

En. Khalid b. Mohamed

Editor

Dr. Norazman b. Ismail
En. Ahmad Munir b. Ishak
Pn. Rosmawati bt. Yas
Pn. Norlizah bt. Mainoordin

Pembantu Editor:

Pn. Sharifah Hazwani Balqis bt. Syed
Mohd Zawawi
Cik Wan Nur Izzati bt. Wan Azahari

Grafik

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jurufoto

En. Mohd Radzi b. Mohammed Ismail
En. Muhamad Ridzuan b. Sabli
En. Rozali b. Maarof

Kandungan

**Perutusan Ketua Pengarah
JAWHAR....3**

**Bengkel Peletakhakan Tanah
Wakaf4**

Mesyuarat SOM....5

Kursus Intensif Haji....6

Merancang Haji yang Mabruk....7

Galeri JAWHAR....8

Karnival Inovasi Islam....10

**Penyerahan Kunci Bazar Wakaf
Rakyat....11**

Artikel Wakaf.....12

JID Bil.4/2010....13

Info Warga JAWHAR...14

Sijil....16

Perutusan

KETUA PENGARAH JAWHAR



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bismillahirrahmannirrahim. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNya, sekali lagi JAWHAR berjaya menerbitkan Buletin JAWHAR Bil.3/2010 untuk dikongsi bersama masyarakat seluruhnya. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga dan para sahabat Baginda, semoga sentiasa berada di kedudukan tertinggi di sisiNya jua.

Sedar atau tidak sedar, kita telah berada di akhir tahun 2010 yang turut membawa erti bahawa masa berlalu begitu pantas dan kita sebagai penjawat awam perlu membuat pelbagai keputusan yang tepat dan proaktif bagi menjamin kemaslahatan ummah. Pelbagai inisiatif ke arah memperkasakan pembangunan negara seperti Model Baru Ekonomi diharapkan dapat memacu Malaysia ke arah negara maju yang berpendapatan tinggi selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Masa berlalu pantas meninggalkan kita, justeru sebagai rakyat Malaysia kita juga perlu bergerak lebih efisien bersaing dengan globalisasi dunia dewasa ini.

Para pembaca sekalian,

Bagi memastikan Malaysia dapat mencapai matlamat yang diimpikan, beberapa pendekatan perlu kita jayakan bersama kerana ia merupakan perangkaan utama untuk kita membentuk Malaysia negara maju. Antara pendekatan bagi menjamin negara ke arah negara maju adalah dengan memastikan ekonomi negara kita berkembang 6% setiap tahun dalam masa 10 tahun mendatang. Oleh itu, sebagai sebuah agensi perangka dan pelaksana, kita mesti menjadi pemangkin bagi mencapai sasaran tersebut. Pemantauan yang rapi perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa dan kita perlu kuat untuk mengekalkan momentum tersebut sehingga hasrat tercapai.

Untuk menuju ke arah negara maju kita selaku penjawat awam telah diberi kepercayaan untuk berperanan sebagai pemikir dan pelaksana kepada program transformasi Kerajaan. Sebagai pemegang amanah ini, kita juga perlu

bersandarkan kepada Inspirasi Nasional iaitu Gagasan 1Malaysia sebagai nilai tambah kepada setiap usaha yang dilakukan bagi mencapai matlamat induk negara.

Sistem pentadbiran negara perlu dilihat sebagai *entire ecosystem* yang mengiktiraf *potential high performance* dalam sektor awam dan swasta. Ini bermakna, Kerajaan turut mengiktiraf *excellent performance*, inovasi, kreativiti, sumbangan luar biasa dan individu berdaya maju yang akan membangunkan *ecosystem* negara bagi membolehkan negara kita melonjak sebagai negara maju berpendapatan tinggi. Keseluruhan proses pentadbiran negara perlu dijadikan landasan untuk menyokong transformasi besar negara. Transformasi ini bermula dengan transformasi minda untuk menuju ke garisan penamat yang diimpikan, InsyaAllah.

Justeru, kita perlu sama-sama memberikan sokongan padu kepada setiap perancangan dan pelaksanaan negara demi menjamin kualiti dan kemaslahatan ummah jua terutamanya yang berkaitan dengan bidang teras JAWHAR iaitu wakaf, zakat, mal dan haji. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga JAWHAR yang tidak pernah jemu dalam membantu menaikkan imej Jabatan melalui tadbir urus sistem penyampaian perkhidmatan terbaik demi merealisasikan impian Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

والسلام

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh
Ketua Pengarah
JAWHAR

BENGKEL MANUAL PENGURUSAN PELETAKHAKAN TANAH WAKAF



Bengkel Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf telah diadakan pada 3 hingga 5 September 2010 bertempat di Hotel Putra Kuala Lumpur. Bengkel yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAWHAR telah dihadiri oleh wakil dari Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), pegawai-pegawai Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Putrajaya (JKPTG), JAWHAR, Institut Latihan Tanah Negara (INSTUN), dan pakar rujuk JAWHAR YBhg Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh bt. Mahamood dari Universiti Malaya (UM).

Dalam ucapan ringkas Ketua Pengarah JAWHAR, beliau menyatakan tujuan bengkel ini adalah untuk mewujudkan satu panduan yang jelas dan teratur mengenai peletakhakan berkanun tanah-tanah wakaf lama. MAIN selaku pemegang amanah tunggal bagi wakaf di negeri masing-masing perlu mendaftarkan tanah-tanah wakaf di atas nama MAIN. Namun begitu, MAIN tidak dapat mengambil tindakan untuk mendaftarkan tanah-tanah wakaf lama yang masih belum dipindah milik dan belum didaftarkan atas nama MAIN kerana beberapa sebab seperti pewakaf telah meninggal dunia, geran atas nama penghulu/khadhi, wakaf lisan tanpa dokumen sokongan dan tanah di atas pemegang amanah lain. Beliau berharap penyeragaman kaedah perletakhakan tanah wakaf ini akan memudahkan MAIN dan Pentadbir tanah/

Pendaftar hak milik meletakhakan tanah-tanah wakaf lama menerusi kaedah Seksyen 416C Kanun Tanah Negara (KTN).

Bengkel yang berlangsung selama 3 hari ini telah membincangkan beberapa perkara antaranya tentang asas pengwujudan peletakhakan berkanun menerusi Perlembagaan Persekutuan dan Statut Pentadbiran Agama Islam Negeri dan KTN dan amalan-amalan pemindahan hak tanah kepada MAIN bagi tujuan wakaf serta proses peletakhakan tanah di bawah Seksyen 416C KTN. Bengkel ini juga turut membincangkan secara terperinci tiga keadaan urusan peletakhakan tanah wakaf boleh dibuat iaitu berdasarkan bukti dokumen-dokumen yang lengkap berkaitan pewakafan tanah; berdasarkan bukti pewakafan yang terdapat di atas tanah yang mana pewakaf tidak lagi dapat dikesan (seperti tuan punya tanah telah meninggal dunia dan sebagainya) dan menerusi Perintah Mahkamah supaya tanah yang diwakafkan itu diletakhak kepada MAIN.

Bengkel ini diakhiri dengan persetujuan ahli bengkel untuk mengadakan sesi pemurnian bagi memantapkan lagi kandungan manual pengurusan ini sebagai bahan rujukan yang mudah difahami oleh masyarakat dan khususnya MAIN.



MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA OIC KE ARAH PENUBUHAN INTERNATIONAL ZAKAT ORGANIZATION 26-29 JULAI 2010

JAWHAR telah menganjurkan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan, Negara-negara Anggota OIC/Senior Officials Meeting (SOM): Ke Arah Penubuhan International Zakat Organization (IZO) bagi merunding, memperhalusi dan seterusnya memuktamadkan Articles of Agreement (AA) sebagai undang-undang tubuh IZO di The Legend Hotel, Kuala Lumpur pada 27 hingga 28 Julai 2010. Mesyuarat yang telah berlangsung selama dua hari ini adalah hasil kerjasama erat di antara Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Istiadat Dan Urus setia Persidangan Antarabangsa (BIUPA) JPM, Pentadbiran Am JPM, Bahagian Pengurusan Hartanah JPM, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yayasan Wakaf Malaysia, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), Polis Diraja Malaysia dan Sekretariat sementara Lembaga Zakat Antarabangsa.

Majlis perasmian mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) pada 27 Julai 2010.

Seramai 46 orang delegasi dari 18 buah negara telah menghadiri mesyuarat SOM tersebut yang terdiri dari Albania, Bangladesh, Brunei, Guinea, Indonesia, Iran, Kazakhstan, Libya, Maldives, Pakistan, Palestin, Senegal, Sierra Leone, Sudan, Syria, Turkey, Uganda dan Malaysia. Empat lagi negara iaitu Comoros, Jordan, Mauritania dan Yemen yang pada awalnya telah mengesahkan kehadiran mereka, tidak dapat menghadirinya di atas sebab-sebab tertentu.

Pada dasarnya, cadangan penubuhan IZO telah mendapat maklum balas positif dari kalangan negara-negara yang hadir. Draf AA yang dibentangkan telah berjaya mendapat kata sepakat daripada para delegasi yang hadir dan telah diedarkan untuk mendapat persetujuan kerajaan masing-masing selewat-lewatnya pada akhir September 2010. Majlis menandatangani AA penubuhan IZO dijangka akan dapat dilangsungkan sebelum akhir tahun 2010, InsyaAllah.



KURSUS INTENSIF BIMBINGAN HAJI MUSIM 1431H / 2010M



JAWHAR telah berjaya menganjurkan Kursus Intensif Bimbingan Haji Bagi Musim 1431H/2010 pada 14-15 Julai 2010 bagi Siri 1 dan pada 21-22 Julai 2010 bagi Siri 2 memandangkan sambutan yang menggalakkan daripada penjawat-penjawat awam di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur. Kursus pada kali ini yang bertemakan “Persediaan Kesempurnaan Manasik Haji: Fokus Kepada Warga Emas” telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Othman bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri pada 14 Julai 2010 bertempat di Dewan Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Dalam ucapan perasmian, YBhg. Datuk menyeru para jemaah supaya menumpukan sepenuh perhatian terhadap ibadah yang dilakukan dan bukannya perkara-perkara lain yang melalaikan.

Manakala majlis perasmian kursus siri kedua telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Dr. Hj. Sohaimi Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR pada 21 Julai 2010 bertempat di Dewan Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Dalam ucapan perasmian, YBhg. Dato’ menyeru para peserta supaya menggunakan peluang semasa kursus ini untuk menambah seberapa banyak ilmu pengetahuan berkenaan pelaksanaan ibadah haji. Ini kerana, walaupun banyak persediaan telah dibuat, masih ada segelintir jemaah yang melakukan kesilapan sehingga mencacatkan ibadat haji mereka.

YBhg. Dato’ Hj. Mohd Daud bin Hj. Che Ngah, Mantan Pengurus Besar (Bimbingan), Lembaga Tabung Haji telah mengendalikan Kursus Intensif Bimbingan Haji Bagi Musim 1431H/2010M (Siri 1) dengan dihadiri oleh seramai 328 orang peserta. Dalam ceramahnya, YBhg. Dato’ antara lain mengetengahkan faktor-faktor yang perlu diambil berat oleh jemaah haji dan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi sewaktu menunaikan



ibadah tersebut terutama bagi jemaah warga emas. Beberapa peristiwa sebenar mengenai cabaran-cabaran yang ditempuhi oleh jemaah warga emas sewaktu di Tanah Suci Mekah diketengahkan untuk memberi panduan kepada peserta-peserta kursus mengenai kepentingan penjagaan warga emas dengan baik sewaktu menunaikan haji. Di samping itu, beliau juga menunjukkan cara-cara memakai kain ihram dengan betul dan menerangkan perkara-perkara berkaitan pemakaian kain ihram yang sering dilupakan atau tidak diketahui oleh jemaah yang boleh menyebabkan jemaah tersebut dikenakan dam.

Kursus Intensif Bimbingan Haji Bagi Musim 1431H/2010M (Siri 2) dikendalikan oleh Alfadhil Ustaz Mohammad Hasnil bin Abu Bakar, Penceramah Lembaga Tabung Haji. Penerangan yang disampaikan dengan jelas dan tersusun di samping pelbagai contoh yang menarik bagi setiap huraian memudahkan peserta-peserta kursus memahami setiap perkara yang dibincangkan. Penceramah juga turut menunjukkan cara-cara memakai kain ihram bagi jemaah lelaki. Setiap huraian menekankan fokus kepada warga emas selaras dengan tema kursus bagi tahun ini. Bagi Siri 2 ini, seramai 300 orang penjawat awam sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur telah menyertainya.

Penganjuran kursus ini mendapat maklum balas yang amat baik daripada peserta-peserta. Kebanyakan peserta amat berpuas hati terhadap pengetahuan dan pengalaman yang telah dikongsikan bersama dalam setiap sesi kursus ini. Adalah menjadi harapan JAWHAR supaya segala pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi bersama dalam kursus ini memberi manfaat kepada semua bakal jemaah haji dalam mencapai kesempurnaan manasik yang dilakukan.

MERANCANG UNTUK MENCAPAI HAJI YANG MABRUR

Oleh: Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali



Diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A:

“Ditanyakan kepada Baginda manakah amalan yang lebih afdhal? Maka dijawabnya iman kepada Allah dan Rasulnya. Kemudian apa? Jihad di jalan Allah. Kemudian? Sabdanya: Haji yang mabrur (diterima).”

(Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

Diriwayatkan daripada Aisyah R.A:

“Wahai Rasulullah, kami melihat jihad adalah seafdhal-afdhal amalan. Adakah kami perlu berjihad? Sabda baginda: Tidak, akan tetapi seafdhal-afdhal jihad ialah haji yang diterima (mabrur).”

(Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

Adalah menjadi impian setiap jemaah haji untuk mendapat haji mabrur. Walaupun hanya Allah S.W.T. yang berhak menentukan mabrur atau maqbul ibadah haji yang dikerjakan, jemaah masih boleh merancang untuk mendapat haji mabrur yang dijanjikan jaminan syurga oleh Allah S.W.T.

Haji mabrur boleh dicapai sekiranya jemaah mengikuti langkah-langkah berikut:

1. Mempelajari dan memahami falsafah haji dan rukunnya, wajib-wajib haji serta kewajipan yang mesti dilakukan oleh jemaah sebagai hamba Allah yang terpilih menjadi tetamu di rumah Allah S.W.T.
2. Berguru dengan pengajar yang cukup ilmu mengenai haji serta berpengalaman. Elakkan berguru dengan orang-orang yang kabur latar belakang keilmuannya, kerana dikhuatiri maklumat yang diperolehi tidak tepat.
3. Perbelanjaan menunaikan haji hendaklah daripada sumber yang halal dan sudah dizakatkan (jika diwajibkan).
4. Sebelum bertolak hendaklah memberitahu kedua-dua ibu bapa (jika masih ada) bagi tujuan mendapatkan keizinan dan kemaafan.
5. Tidak perlu warwarkan pemergian haji kerana ditakuti menjadi riak atau takbur. Bagaimanapun, maklumkan pemergian kepada sanak saudara dan jiran terdekat sebelum berangkat bagi tujuan wasiat dan mohon kemaafan.
6. Laksanakan keseluruhan rukun dan wajib haji dengan tertib serta tidak mengambil jalan mudah. Perbanyakkan amalan sunat dan bantulah sahabat yang susah.
7. Hendaklah sentiasa berdoa dan bertaubat di Baitullah dengan memohon ampun, membaca Al-Quran dan mengekalkan berjemaah di Masjidil Haram (bukannya bersolat di bilik-bilik hotel atau rumah penginapan).
8. Sentiasa ingatkan mati, terutamanya dalam ihram kerana pakaian itu adalah sama dengan kain kapan.
9. Tunaikan dam jika terlanggar yang wajib atau perkara yang mesti ditutup dengan dam.
10. Selain itu, jemaah juga perlulah meningkatkan kebergantungan yang tinggi ke hadrat Allah S.W.T. di samping memanyakkan doa supaya ibadah hajinya diterima dan mendapat haji mabrur.

BENGKEL MANUAL PENGURUSAN ISTIBDAL WAKAF 21 - 22 JULAI 2010



TAKLIMAT SISTEM INTRANET JAWHAR KEPADA KESEDAR 17 OGOS 2010



LAWATAN 5S OLEH LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA (LLM) 20 SEPTEMBER 2010



MESYUARAT DOKUMENTARI INFAQ MUSIM 3 7 SEPTEMBER 2010



LATIHAN SISTEM I-SPAAA 29 SEPTEMBER 2010



**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA TKSUK JPM BULAN SEPTEMBER 2010
22 SEPTEMBER 2010**



PERHIMPUNAN BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR



**MAJLIS HARI RAYA JPM 2010
21 SEPTEMBER 2010**



**MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI YWM / JAWHAR 2010
27 SEPTEMBER 2010**



**LAWATAN DELEGASI IRAN KE JAWHAR
30 JULAI 2010**

KARNIVAL INOVASI ISLAM PERINGKAT KEBANGSAAN 2010



JAWHAR telah menyertai ekspo dan pameran inovasi sempena Karnival Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2010 anjuran JAKIM pada 5 hingga 8 Ogos 2010. Ini bersempena tahun 2010 yang telah diisytiharkan sebagai Tahun Inovasi. Majlis Perasmian dan Pelancaran Karnival ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri pada 5 Ogos 2010 di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

Penganjuran karnival adalah bertujuan untuk memperkasa dan menonjolkan pelbagai idea inovasi dalam pelbagai aspek pengurusan hal ehwal Islam, khususnya pendidikan dan sosio-ekonomi di samping dapat merapatkan hubungan antara agensi kerajaan dan swasta serta memantapkan sistem penyampaian maklumat secara telus terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi Kerajaan.

Karnival inovasi ini mendapat sambutan yang meriah dan menggalakkan di kalangan pengunjung pelbagai lapisan masyarakat. Pelbagai acara dan program menarik disediakan oleh penganjur seperti seminar, forum, bengkel inovasi, demonstrasi, pelancaran produk inovasi dan rakaman beberapa rancangan bual bicara.

Aktiviti yang dijalankan di *booth* JAWHAR adalah seperti tayangan video korporat dan Infaq, pameran dan penerangan mengenai aplikasi sistem JAWHAR seperti *Siscar*, *Sismmeet*, *Sishelp*, *Sisletter*, *Sisres*, e-wakaf, e-bayanat dan i-wakaf, di samping pengedaran bahan penerbitan Jabatan seperti Buletin dan Ujana Wakaf kepada pengunjung. Selain itu, JAWHAR bersama Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) turut berkongsi maklumat bersama para pengunjung mengenai produk Skim Wakaf Tunai Malaysia yang merupakan salah satu cara berwakaf menggunakan wang tunai yang diuruskan oleh YWM.

Rata-rata pengunjung yang hadir ke *booth* JAWHAR telah memberikan maklum balas yang amat menggalakkan. Semoga dengan adanya program seumpama ini dapat memberi pendedahan yang baik dan bermanfaat kepada masyarakat.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI BAZAR WAKAF RAKYAT 13 OGOS 2010



Satu Majlis Penyerahan Kunci Bazar Wakaf Rakyat telah diadakan di Masjid Jamek Sawah Dato', Mersing sebagai simbolik kejayaan pembangunan Bazar Wakaf Rakyat di negeri Johor oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ).

Projek yang dibangunkan dalam kawasan masjid ini mengandungi tiga unit kedai yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Projek yang bernilai RM145,000 ini telah mula dibina pada 6 Mei 2010 dan siap dibina pada 31 Julai 2010.

Majlis dimulakan pada jam 5.45 petang dengan ucapan aluan Pengerusi Majlis diikuti ucapan dari Encik Azri bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan ucapan balas dari YB Dato' Zainal Abidin bin Osman, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri Johor merangkap Pengerusi MAIJ. Kemuncak majlis ini adalah penyerahan replika kunci oleh perunding projek, RMA Design Team kepada YWM seterusnya diserahkan kepada pihak MAIJ selaku Pemegang Amanah Tunggal hartanah wakaf negeri Johor.

Program pembangunan hartanah wakaf menerusi Bajet 2010 ini merupakan inisiatif julung-julung kalinya oleh YWM sejak ditubuhkan pada Julai 2008. Projek ini merupakan salah satu daripada tujuh projek pembangunan hartanah wakaf di negeri Johor dan baki enam projek adalah seperti berikut:

- ◇ Masjid Jamek Paya Redan, Pagoh, Muar
- ◇ Masjid Pekan Baru, Parit Yusof, Mukim Sg. Balang, Muar
- ◇ Masjid Hajjah Mominbi, Taman Ungku Tun Aminah, Johor Bahru
- ◇ Masjid Seri Wangi, Mukim Linau, Parit Yaani, Batu Pahat
- ◇ Masjid Jannatul Firdaus, Kg. Jawa, Segamat

Walaupun projek ini baru sahaja siap dibina, MAIJ telah menerima banyak permohonan daripada usahawan Muslim yang memohon untuk menyewa bangunan tersebut. YWM mensasarkan bahawa projek ini dapat memberi kemudahan serta peluang kepada usahawan Muslim terutamanya golongan asnaf yang berdaya maju dan komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan bagi meningkatkan pendapatan dan keluar dari kepompong kemiskinan serta seterusnya berpeluang menjadi penyumbang zakat di masa akan datang.

Selain merealisasikan hasrat YAB Perdana Menteri menerusi gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", YWM turut berharap agar Bazar Wakaf Rakyat yang dibangunkan di dalam kawasan masjid ini mampu mengembalikan kegemilangan zaman Rasulullah S.A.W. di mana masjid dijadikan pusat aktiviti sosial umat Islam.

Majlis berakhir jam 6.30 petang dan para hadirin turut dijemput memeriahkan Majlis Berbuka Puasa yang telah diadakan di masjid tersebut.

WAKAF SEBAGAI INSTRUMEN PENTING KE ARAH MEMBANGUNKAN SOSIO-EKONOMI UMMAH

Oleh : Zaleha bt. Embong

Islam adalah agama kesejahteraan. Untuk itu, bagi mencapai matlamat kesejahteraan, Islam telah menggariskan panduan dan peraturan merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang menekankan kepada keperluan yang bersifat fizik, material, psikis, dan eschatologis (akhirat). Islam menggalakkan umatnya berusaha dan bukan hanya berpeluk tubuh semata-mata mengharapkan sesuatu itu datang dengan tiba-tiba.

Umpamanya, kesejahteraan dalam soal pemilikan harta juga telahpun digariskan dalam Islam. Harta dikatakan sebagai salah satu ciri kebahagiaan tetapi jika diperhalusi dengan mendalam ia mempunyai ciri-ciri yang produktif dan tidak terikat dengan pengertian harta secara mutlak serta tidak bersifat statik. Malah, ia mampu mencapai keperluan sosio-ekonomi dan tuntutan ummah, di samping berfungsi ta'awun, yakni suatu cara hidup berjemaah dalam Islam yang mencantumkan fungsi-fungsi sosio-ekonomi dan realisasi ukhuwah Islamiah.

Dalam membicarakan aspek wakaf, ia mencakupi dua aspek iaitu rohani (moral) dan jasmani (material). Ia diterima sebagai amal jariyah di hari pembalasan dan sebagai jihad dalam Islam. Malah, ia juga merupakan salah satu daripada institusi Islam yang telah bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W. selain daripada institusi zakat, baitulmal dan lain-lain.

Wakaf ialah salah satu ibadah menyerahkan harta yang dimiliki untuk kegunaan umum masyarakat dengan niat sebagai ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Harta yang telah diwakafkan adalah suatu pemilikan yang tidak mutlak oleh pewakaf dan penerima wakaf kerana 'ain harta yang diwakafkan kembali menjadi hak Allah S.W.T. Pewakaf tidak boleh menuntut kembali atau menjual, menghadiah, menghibah dan mewariskan harta yang telah diwakafkan. Pemegang amanah wakaf wajib menunaikan hasrat pewakaf iaitu menggunakan manfaat atau hasil harta wakaf mengikut apa yang dilafazkan oleh pewakaf.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Ali Imran ayat 96: Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Harta wakaf dioperasikan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi umat Islam kerana ia memiliki beberapa ciri yang di antaranya ialah:

- i) Keunikan wakaf pada konsep pemisahan di antara hak pemilikan dan faedah penggunaannya. Pewakafan harta menyebabkan kuasa pemilikan hartanya akan terhapus daripada harta tersebut. Wakaf secara prinsipnya adalah satu kontrak berkekalan dan pewakaf tidak boleh lagi memiliki harta itu dengan apa jua sekalipun, kecuali sebagai pengurus harta wakaf. Secara majazinya harta wakaf adalah menjadi milik Allah S.W.T.
- ii) Wakaf adalah sedekah berterusan. Ini bermaksud bukan sahaja membolehkan pewakaf mendapat pahala berterusan, tetapi penerima mendapat faedah berterusan. Dengan itu, pihak yang bergantung wakaf boleh mengatur perancangan kewangan institusinya dengan berkesan untuk jangka panjang. Di samping itu, pihak pewakaf tidak perlu bimbang mungkin berlaku sabotaj seperti pengubahan status wakaf tanahnya oleh pemerintah kerana kaedah fiqh menyatakan bahawa “Syarat pewakaf adalah seperti nas Syara’.”
- iii) Penggunaan harta wakaf adalah untuk kebajikan dan perkara-perkara yang diharuskan oleh Syara’. Tidak diwajibkan menentukan golongan yang mendapat manfaat daripada wakaf dan memadai menyebutkan: “Saya wakafkan harta ini kerana Allah.” Ciri ini membolehkan pengembangan harta wakaf kepada pelbagai bentuk selagi ia menepati objektif wakaf.

Harta wakaf yang sedia ada perlu diurus sebaik mungkin bagi memantapkan tahap ekonomi umat Islam setanding dengan bangsa lain. Amalan berwakaf juga mampu mendidik umat Islam menghindari daripada sikap kedekut serta menyedari bahawa setiap harta yang dimiliki turut menjadi hak golongan yang memerlukan.

Al-Quran sebenarnya telah menekankan pemanfaatan sumber-sumber kekayaan alam di bumi dan di langit ‘pada jalan Allah’ bagi kepentingan bersama umat manusia dan menolak kepentingan-kepentingan peribadi. Di sinilah harta wakaf berupa suatu kerangka keadilan sosio-ekonomi, altruisme atau humanisme yang kreatif yang menyumbang kepada kebajikan sebenarnya.

Dalam konteks yang lebih luas, harta wakaf boleh diusahakan dengan kegiatan pertanian, perternakan atau pengeluaran yang berkaitan dengannya. Pelaburan dalam bentuk pembinaan rumah kos rendah, ruang perniagaan yang bersifat kormesial dan perindustrian untuk disewakan, pusat perkhidmatan dan aktiviti sosial seperti klinik dan sebagainya boleh

dirancang dan dilaksanakan. Aktiviti bercorak kebajikan pula boleh dilaksanakan melalui pembinaan rumah anak-anak yatim, tempat perlindungan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan sebagainya.

Di beberapa negara Islam di Asia Barat, institusi wakaf berjaya tegak kukuh sebagai institusi pembangunan ummah yang disalurkan menerusi usaha pembiayaan kebajikan dan pembangunan negara. Di Mesir misalnya, lebih 1,000 tahun Universiti Al-Azhar ditubuhkan dan ditadbir oleh sebuah perbadanan wakaf.

Adalah menjadi tanggungjawab bersama umat Islam dan juga para cendekiawan yang terdiri dari pakar ekonomi, perundangan, agamawan, sosiologi, pakar teknologi pada hari ini bergabung tenaga dan pemikiran serta berganding bahu bagi meletakkan kembali institusi wakaf ke satu tahap yang sebenarnya bagi membangunkan masyarakat dan tamadun Islam seluruhnya.

Kemunduran masyarakat yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini sewajarnya boleh ditangani dengan cara mengimbas kembali sejarah umat Islam terdahulu yang menjadikan amalan berwakaf sebagai satu amalan yang mampu menjana masa depan umat yang cemerlang dan gemilang. Di samping memahami dengan jelas mengenai konsep, peranan, dan matlamat harta wakaf, kita juga perlu mengenalpasti faktor yang menjadi batu penghalang kepada pembangunan harta wakaf masa kini.

Kesimpulannya, masyarakat harus membuka persepsi sempit dan masih membelenggu pemikiran mereka mengenai wakaf. Wakaf bukan sekadar tanah terbiar yang sepi atau tanah perkuburan yang sunyi. Wakaf harus dilihat dalam perspektif sebenar, contohnya, sebagai mekanisme kewangan dan pembiayaan dalam menyediakan pelbagai sumber kepada umat Islam dalam menghadapi seribu satu macam cabaran kehidupan.

JID BIL.4/2010 TEMA: "JOM BERWAKAF"



JAWHAR Intellectual Discourse Bil.4/2010 bertemakan "Jom Berwakaf" telah diadakan pada 23 September 2010 bersamaan 14 Syawal 1431H, bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya. Tema JID pada kali ini telah mengupas berkaitan wakaf yang dianggap sebagai instrumen kedua penting selepas zakat dalam membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat Islam.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd. Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR, diikuti dengan pembentangan oleh dua orang ahli panel iaitu Dr. Asmak binti Abdul Rahman dari Jabatan Syariah dan Ekonomi Universiti Malaya yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Wakaf: Menyuntik Semangat Masyarakat Ke Arah Membangunkan Sosio Ekonomi Ummah" dan Dr. Mohd. Afendi bin Mat Rani dari Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Melestarikan Sistem Jaminan Sosial Islam Melalui Wakaf". Ternyata pembentangan kertas kerja dari kedua-dua ahli panel dapat memberi impak yang berkesan kepada peserta yang hadir.

Dalam ucapan perasmian, YBhg. Dato' Ketua Pengarah JAWHAR menyarankan agar para peserta menghayati pengertian fardhu kifayah yang sebenarnya dalam konteks amalan berwakaf dan tidak hanya tertumpu kepada soal tanah perkuburan atau masjid semata-mata. Malah ia dilihat dalam aspek yang lebih luas dan menyeluruh seperti pembinaan kompleks bangunan kedai, pejabat, institusi pendidikan dan sebagainya yang boleh dibangunkan untuk mendatangkan keuntungan yang maksima. Seramai lebih kurang 200 orang telah menyertai program ini yang terdiri daripada kakitangan dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, dan wakil dari Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Para peserta telah mengambil peluang ini dengan mengajukan pelbagai soalan semasa sesi soal jawab berlangsung serta memberikan maklum balas positif berhubung program yang dilaksanakan melalui borang soal selidik yang disediakan. Semoga program ini dapat membantu para peserta untuk memahami dengan lebih mendalam tentang wakaf sekaligus mampu menyuntik kesedaran dan semangat peserta untuk melaksanakan amalan berwakaf.

PERMATA JAWHAR



Nama ayah: En. Mohd Radzi b. Mohammed Ismail
Nama anak: Muhammad Rif'at Danish b. Mohd Radzi
Tarikh lahir: 7 April 2010



Nama ayah: En. Mohd Zamri b. Ridzuan
Nama anak: Nur Delisha Dania bt. Mohd Zamri
Tarikh lahir: 13 Julai 2010



Nama ibu: Pn. Rosmawati bt. Yas
Nama anak: Adra Delisha bt. Hanafiah
Tarikh lahir: 14 Julai 2010



Nama ayah: En. Saifol Iskandar b. Md Kasim
Nama anak: Muhammad Naufal b. Saifol Iskandar
Tarikh lahir: 3 Ogos 2010



Nama ayah: En. Murid Fadzli b. Musa
Nama anak: Balqis Durratul'isyah bt. Murid Fadzli
Tarikh lahir: 25 Ogos 2010

Pertukaran, Lantikan Baru dan Persaraan Warga JAWHAR Jun - September 2010

PERTUKARAN KELUAR

BIL	NAMA	JAWATAN	KEMENTERIAN/ JABATAN	TARIKH
1.	Encik Zakaria bin Ahmad	Penolong Pegawai Tadbir, Bhg. Penyelidikan dan Penyelarasan	Kementerian Kesihatan Malaysia	21/06/2010
2.	Puan Ku Hayati binti Ku Haron	Penasihat Undang-Undang	Unit Pelindungan Saksi, JPM	21/06/2010
3.	Puan Siti Najwa binti Shafie	Pembantu Tadbir, Kewangan	Jabatan Penerangan, Perlis	20/09/2010

PERSARAAN

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1.	Encik Abd. Halim bin Abdullah	Pengarah Bhg. Haji	08/07/2010
2.	Encik Abdullah bin Awang	Penolong Pengarah Bhg. Zakat	19/08/2010

WARGA BARU

BIL	NAMA	JAWATAN	KEMENTERIAN/ JABATAN	TARIKH
1.	Puan Norilawati binti Ismail	Penasihat Undang-Undang	Jabatan Peguam Negara	16/07/2010
2.	Puan Sharifah Hazwani Balqis binti Syed Mohd Zawawi	Penolong Pegawai Tadbir, Bhg. Penyelidikan dan Penyelarasan	Lantikan Baru	03/08/2010
3.	Encik Ridzuan bin Awang	Penolong Pengarah, Bhg. Zakat	JAKIM	14/09/2010

Kehilangan Ahli Keluarga

Dimaklumkan bahawa ayah kepada En. Ishak bin Abu (BKPSM) telah kembali ke Rahmatullah pada 21 Julai 2010. Marilah kita bersama-sama sedekahkan al-Fatihah. Semoga rohnya dicucuri rahmat.

Takziah...innalillahi wainna ilaihirojiun...



Certificate of Achievement

Malaysia Productivity Corporation hereby certifies that

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

Jabatan Perdana Menteri

Aras 7, Blok E2, Kompleks Kerajaan

Parcel E, Pusat Pentadbiran Persekutuan

62502 Putrajaya



has implemented the standard requirements
of Quality Environment Management System

Issue Date : 16 June 2010

Expiry Date : 15 June 2011

Certification No. : AC 1441



A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Mohd. Razali Hussain'.

(Mohd. Razali Hussain)

Director-General

Malaysia Productivity Corporation



*The Organisation agrees to maintain its Quality Environment Management System and use the
Approved Certificate in accordance with the Standard Requirements*